

# HEMOSOL OINTMENT

Zinc oxide/benzyl benzoate/balsam peru (10.75% w/w / 1.25% w/w / 1.88% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Hemosol*
2. Bagaimana *Hemosol* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Hemosol*
4. Cara menggunakan *Hemosol*
5. Semasa menggunakan *Hemosol*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Hemosol*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Hemosol*

Ia digunakan untuk melegakan gejala-gejala buasir seperti sakit, gatal atau pedih), keradangan rektal ringan dan iritasi.

## Bagaimana *Hemosol* berfungsi

Ia mengandungi zink oksida, sejenis astringen dan antiseptic ringan. Ia melegakan dan melindungi kulit. Balsam peru adalah sejenis antiseptik ringan yang membantu penyembuhan. Benzyl benzoate mempunyai kesan antiseptic ringan.

## Sebelum menggunakan *Hemosol*

### - Bila tidak boleh mengguna

Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan *Hemosol*.

### - Sebelum mula mengguna

Risiko dan kebaikan perlu dipertimbangkan sebelum digunakan untuk ibu mengandung atau menyusukan anak. Keselamatan penggunaan semasa kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan *Hemosol*

### - Berapa banyak harus diambil

Bersih dan keringkan bahagian yang berkenaan. Sapu salap.

### - Bila perlu diguna

Dua kali sehari dan setiap kali selepas buang air besar.

### - Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika menggunakan berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Iritasi dan sensitiviti kulit mungkin berlaku. Jika termakan benzyl benzoate, termakan, ia mengakibatkan rangsangan sistem saraf pusat dan konvulsi.

## Semasa menggunakan *Hemosol*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

Elakkan daripada mata dan membran mukus.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Ia menyebabkan iritasi pada kulit. Hipersensitiviti kulit juga berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan menjadi serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Hemosol*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Salap warna perang.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: zinc oxide, benzyl benzoate and balsam peru
- Bahan tidak aktif: cetomacrogol emulsifying wax, methylparaben, propylparaben, liquid paraffin and white soft paraffin.

### - Nombor MAL:

MAL20033984X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

05/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)070417/00065